

12 DEC 1997

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS HADIR SIDANG KEMUNCAK OIC DI IRAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kembali ke tanah air selepas menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Tehran.

Pesawat yang membawa pulang Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 8.55 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menteri-menteri Kabinet berada di lapangan terbang itu untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Seramai 26 ketua kerajaan menyertai sidang kemuncak itu, yang pertama kali diadakan di Iran sejak OIC yang mempunyai 55 negara anggota ditubuhkan pada tahun 1969.

Sewaktu di Tehran, Dr Mahathir menemui pemimpin tertinggi Iran Ayatollah Ali Khamenei, yang merasmikan sidang kemuncak tiga hari itu, dan juga Presiden Iran Mohammad Khatami.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dua hala dengan tiga orang presiden dari negara Afrika -- Omar Hassan Ahmed Al Bashir (Sudan), Hassan Gouled Aptidon (Djibouti) dan Ahmad Tejan Kabbah (Sierra Leone).

Dr Mahathir juga mengadakan dialog dengan pengurus-pengurus kanan dan ahli akademik Iran dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Technology Resources Industries Berhad (TRI) dan Telecom Company of Esfahan. -- BERNAMA

ES TCL WAT